



TEKS UCAPAN

YB DATO' SRI ALEXANDER NANTA LINGGI
MENTERI KERJA RAYA

SEMPENA
MAJLIS PENYERAHAN PROJEK
PEMBINAAN STOR RAMPASAN PEJABAT
PENGUATKUASAAN KASTAM, KUCHING, SARAWAK
(TENDER SEMULA)

KHAMIS | 17 SEPTEMBER 2026 | 9.30 PAGI
STOR PEJABAT
PENGUATKUASAAN KASTAM,
KUCHING, SARAWAK

<<< Saluti akan diberikan oleh Urusetia pada hari berkenaan>>>

Salam Sejahtera, Salam Malaysia MADANI, Salam Segulai Sejalai.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu, saya ingin mengalu-alukan kehadiran YB Dato' Sri Hajah Nancy Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ahli Parlimen Santubong, yang hadir bersama-sama kita pada majlis yang penuh bermakna ini.
2. Saya turut merakamkan penghargaan kepada ketua-ketua jabatan, pegawai kanan Kementerian Kewangan, Jabatan Kastam Diraja Malaysia, Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya Malaysia serta semua jemputan yang hadir bagi menjayakan Majlis Penyerahan Projek Stor Rampasan Penguatkuasaan Kastam, Kuching, Sarawak pada hari ini.

MEMPERKUKUH KEMUDAHAN PENGUATKUASAAN NEGARA

Hadirin yang saya hormati,

3. Projek Stor Rampasan Penguatkuasaan Kastam, Kuching, Sarawak dengan nilai **RM9.98 juta** ini merupakan pelaburan strategik Kerajaan MADANI bagi menyediakan kemudahan

penyimpanan yang lebih selamat, sistematik dan terkawal, khususnya untuk menyokong operasi penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Sarawak.

4. Kita sedia maklum Jabatan Kastam Diraja Malaysia memainkan peranan penting dalam membanteras penyeludupan, penyelewengan dan jenayah rentas sempadan. Peningkatan kejayaan operasi turut menambah jumlah barang tahanan dan rampasan yang perlu diuruskan.

5. Justeru, penyediaan stor yang bersesuaian amat penting bagi memastikan barang rampasan dapat disimpan dan diurus dengan lebih teratur, selamat serta mengikut keperluan proses penguatkuasaan dan perundangan.

NILAI TAMBAH KEPADA KERAJAAN

Hadirin sekalian,

7. Projek ini turut memberikan nilai tambah dari aspek pengurusan aset dan kewangan Kerajaan. Sebelum ini, Jabatan Kastam Diraja Malaysia menggunakan premis sewaan daripada pihak swasta bagi tujuan penyimpanan.

8. Dengan tersedianya kemudahan milik Kerajaan ini, kebergantungan kepada premis sewaan dapat dikurangkan, sekali gus membantu mengoptimumkan perbelanjaan Kerajaan dalam jangka panjang.

SINERGI ANTARA AGENSI

Hadirin yang saya hormati,

10. Kejayaan projek ini merupakan hasil sinergi antara Kementerian Kerja Raya, Jabatan Kerja Raya Malaysia, Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Kementerian Kewangan.
11. Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya Malaysia bertanggungjawab memastikan projek ini dilaksanakan dengan memenuhi aspek kualiti, keselamatan, kos dan tempoh yang ditetapkan.
12. Kerjasama rentas kementerian dan agensi seperti ini perlu terus diperkukuh bagi memastikan setiap pelaburan pembangunan Kerajaan diterjemahkan kepada kemudahan yang benar-benar memberi manfaat kepada penyampaian perkhidmatan awam.

PENCAPAIAN PROJEK

13. Saya difahamkan bahawa **Sijil Perakuan Siap Kerja (Certificate of Practical Completion – CPC)** telah dikeluarkan pada **26 Mei 2026**. Pencapaian ini membuktikan projek ini telah disiapkan mengikut perancangan dan bersedia untuk dimanfaatkan oleh Jabatan Kastam Diraja Malaysia.

PROJEK PERSEKUTUAN DI SARAWAK

Hadirin sekalian,

14. Setakat September 2026, melalui Agensi Teknikal utama kerajaan iaitu JKR Malaysia, sebanyak 112 projek melibatkan pelbagai agensi persekutuan sengan jumlah peruntukan RM12 billion sedang dilaksanakan.
15. Angka ini merangkumi 30 projek yang telah siap, 38 projek dalam pembinaan, 41 projek di peringkat pra pembinaan serta 3 projek sedang di peringkat kerja awalan.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati,

16. Sebelum saya mengakhiri ucapan, sekali lagi saya berharap fasiliti stor ini akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi memperkukuh pengurusan barang rampasan serta meningkatkan keupayaan penguatkuasaan Jabatan Kastam Diraja Malaysia di Sarawak.

17. Dengan sukacitanya, saya menyempurnakan **Majlis Penyerahan Projek Stor Rampasan Penguatkuasaan Kastam, Kuching, Sarawak.**

Sekian, terima kasih.